

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HMT 201 Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM TIGA  
[3] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Buat deskripsi binaan frasa nama seperti yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan I.

ATAU

- (b) Buat deskripsi binaan frasa kerja seperti yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan I.

2. (a) Buat deskripsi binaan ayat tunggal menurut Tatabahasa Dewan I. Beri tumpuan kepada ciri-ciri unsur-unsur subjek, predikat dan susunannya.

ATAU

- (b) Buat deskripsi ayat selapis menurut Pelita Bahasa Melayu Penggal I. Beri tumpuan kepada ciri-ciri unsur-unsur benda, cerita dan susunannya.

3. (a) Bincangkan kejadian objek tepat dan objek sipi menurut Za'ba dalam Pelita Bahasa Melayu I. Bandingkan dengan kejadian objek tepat dan objek sipi dalam Tatabahasa Dewan Jilid I.

ATAU

- (b) Huraikan bentuk ayat pasif orang pertama, kedua dan ketiga dalam bahasa Melayu.

4. (a) Beri contoh bentuk-bentuk imbuhan me-. Senaraikan makna imbuhan me- dengan contoh-contoh yang sesuai.

ATAU

- (b) Beri contoh bentuk-bentuk imbuhan pen-. Senaraikan makna imbuhan pen- dengan contoh-contoh yang sesuai.

5. Bentuk ayat majmuk daripada pasangan ayat-ayat (i - ii) yang berikut ini:

(a) i. Lukisan dapat menjadi media seni yang boleh membawa sesuatu utusan kepada rakyat.

ii. Sastera dapat menjadi media seni yang boleh membawa sesuatu utusan kepada rakyat.

(b) i. Seni boleh menjadi alat untuk menggambarkan keindahan di Malaysia yang boleh memberi faktor menarik pelancong asing datang.

ii. Seni juga boleh menjadi alat untuk menggambarkan kehidupan di Malaysia yang boleh menjadi faktor menarik pelancong asing datang.

(c) i. Kakitangan sektor awam yang mengharapkan bayaran bonus tahun ini akan kecewa dengan sikap Anwar.

ii. Jika mereka boleh fikir dan berada pada kedudukan seperti Anwar, rasa kecewa dengan sendirinya lenyap.

(d) i. Habuan bagi kejayaan itu tidak wajar diberikan kepada golongan tertentu.

ii. Pertubuhan ekonomi yang tinggi sekarang adalah dicapai bukan sekadar dengan usaha kakitangan sektor awam sahaja.

(e) i. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Abang Abu Bakar yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Perkhidmatan Awam membayangkan.

ii. Harapan kakitangan kerajaan mendapat bonus adalah cerah memandangkan pertumbuhan ekonomi adalah menggalakkan.

- (f) i. Usaha mencari pendapat orang ramai itu tidak perlu diteruskan.
- ii. Kita sudah mengetahui pendapat orang ramai tentang sesuatu isu itu.
- (g) i. Ada badan profesional mengatakan hukuman ke atas pesalah jenayah kolar putih itu kejam.
- ii. Badan profesional itu terdapat di negara ini.
- (h) i. Kerugian tukaran asing Petronas ialah \$1,200 juta walaupun jumlah minyak terus naik.
- ii. Minyak itu dieksport.
- (i) i. Menteri Kesihatan akan menemui Menteri Dalam Negeri untuk mengenal pasti pendatang tanpa izin.
- ii. Pendatang tanpa izin membawa kuman HIV.
- (j) i. Perdana Menteri berkata.
- ii. Wawasan 2020 adalah impian semua rakyat Malaysia untuk mencari kehidupan yang lebih bermakna.

-ooooOOoooo-